

# Nelayan resah ikan kembung murah

FOTO: FACEBOOK KUALA KEDAH

Dijual pada harga RM1 sekilogram akibat lambakan sejak sebulan lalu

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

## ALOR SETAR

**L**ambakan ikan kembung di utara tanah air menjejaskan pendapatan nelayan pantai terutamanya di Kuala Kedah dan Kuala Muda.

Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan-Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Che Ani Mat Zain berkata, nelayan di kawasan itu bimbang masalah lambakan ikan kembung sejak hampir sebulan lalu kini semakin ketara

apabila ikan berkenaan dijual RM1 sekilogram.

Menurutnya, walaupun fenomena itu bagaikan 'pesta ikan' kepada pembeli namun ia memberi kesan kepada nelayan yang bergantung hidup daripada hasil tangkapan mereka.

"Apabila ikan ini dijual pada harga RM1 sekilogram ini bermakna harga tolak nelayan kepada penjual adalah kurang daripada itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Che Ani berkata, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Negeri Kedah (Nekad) dan Persatuan Nelayan Kuala Kedah digesa melakukan tindakan proaktif bagi menyelesaikan masalah itu.

"Masalah ini membuktikan Nekad gagal memanfaatkan peti sejuk beku berkapasiti 650 tan metrik yang khabarnya akan digunakan untuk mengatasi ma-



Lambakan ikan kembung menyebabkannya dijual pada harga RM1 sekilogram sahaja di Kuala Kedah.

salah lambakan ikan," kata beliau.

Che Ani berkata, sebagai langkah penyelesaian, pihaknya turut mencadangkan Nekad dan

LKIM menjual ikan-ikan itu di negeri pantai timur dan Kuala Lumpur.

"Di negeri-negeri berkenaan harga ikan kembung masih ting-

gi dan terkawal. Jadi secara tidak langsung kita dapat kurangkan lambakan di utara dan pendapatan nelayan kembali stabil seperti biasa," katanya.